

**MSWG****MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

30 September 2013

## MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Kekerapan perletakan jawatan dan pergerakan yang berlaku di dalam industri perbankan sejak kebelakangan ini telah menimbulkan sedikit kebimbangan di pasaran. Kebimbangan ini bukanlah sesuatu yang di luar jangkaan memandangkan sektor perbankan adalah sektor yang penting, justeru itu apabila ia berdepan dengan isu-isu seperti kesukaran mencari pengganti dalam barisan kepimpinan teratas, persoalan adakah kumpulan bakat terhad mula timbul. Jika benar, bagaimanakah ia dapat ditangani dengan segera supaya ia tidak merugikan pemegang saham? Saya berpandangan semua institusi perbankan yang tersenarai perlu mempunyai pelan penggantian yang jelas dan kumpulan bakat mereka diperluaskan dengan mengambilkira aspek kepelbagaian kerana semua ini adalah mengenai tadbir urus korporat yang baik.

Kami juga ingin mengetengahkan bahawa peraturan-peraturan baru penyelarai yang diperkenalkan oleh Bursa Saham Singapura (SGX) bagi menggalakkan lebih ketelusan dalam mesyuarat agung syarikat akan disambut baik oleh para pemegang saham terutamanya pelabur institusi dan pelabur asing. Peraturan-peraturan baru tersebut termasuklah menggundi secara pengundian bagi semua resolusi dan penzahiran butir-butir keputusan pengundian menepati ciri-ciri tadbir urus korporat ASEAN.

Walaupun bagaimanapun, kita tidak boleh mengabaikan suara pemegang saham runcit minoriti kerana suara mereka sekalipun banyak dari segi bilangan, hak memilih mereka boleh diabaikan dengan mudah oleh satu pemegang saham utama yang mempunyai pegangan kawalan di dalam syarikat yang boleh mengundi untuk menyokong kebanyakan cadangan korporat. Terutamanya di negara-negara ASEAN yang mempunyai struktur konsentrasi pegangan saham yang tinggi. Dalam hal ini, kami percaya, untuk resolusi substantif adalah lebih baik sekiranya kelulusan tambahan dari segi bilangan juga diambilkira bagi mewujudkan medan permainan yang sama rata yang juga merupakan satu aspek perlindungan pelabur. Kelulusan yang juga berunsurkan bilangan akan membolehkan pelabur-pelabur runcit menyuarakan pandangan mereka, seterusnya membuka ruang untuk mendapatkan harga tawaran yang lebih baik untuk semua pihak.

Akhir sekali, kegagalan Astro di Mahkamah Indonesia untuk menguatkuasakan timbang tara yang dianugerahkan adalah satu pengajaran. Ianya mengingatkan kita kepada satu kes lain yang melibatkan anak syarikat Malaysia Smelting Corp. Berhad, di mana permohonan mereka untuk menyambung tempoh permit bagi kali kedua selama 10 tahun sehingga tahun 2023 untuk mengendalikan sebuah lombong telah ditolak oleh pihak berkuasa Indonesia. Dalam hal ini, syarikat-syarikat tersenarai yang ingin menerokai pasaran baru di mana terdapat banyak ketidakpastian dalam pelbagai aspek perlu mengambilkira risiko premium sebelum membuat keputusan tersebut, terutamanya di pasaran sempadan asing. Namun begitu, ganjarannya juga agak lumayan sekiranya usaha tersebut berhasil.

Salam,

Rita

---

### CEO DALAM BERITA

*Cash-rich Kumpulan Fima to face MSWG query over lower pre-tax profit*

<http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2013/09/23/Cash-rich-Kumpulan-Fima-to-face-MSWG-query.aspx>

*MSWG to query Land & General over plantation and investment plans*

<http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2013/09/24/Land-and-general-to-receive-mswg-query-on-oil-palm-land-increase.aspx>

---

### PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

#### **KARYON INDUSTRIES BERHAD (“KARYON”)**

Syarikat tersebut pada 18 September 2013 telah memanggil satu mesyuarat agung luar biasa (EGM) untuk menyingkirkan juruaudit syarikat. Pengerusi Karyon, Loh Chen Yook dan seorang pengarah bukan eksekutif Loh Fatt Chong, kedua-duanya merupakan pemegang saham syarikat, telah memfailkan notis penyingkiran juruaudit, mendakwa bahawa juruaudit telah memberikan nasihat yang salah mengenai beberapa keperluan penzahiran.

#### **KOMEN MSWG:**

Kami bimbang dengan pertukaran firma juruaudit secara sebegini dalam tempoh 3 bulan selepas Mesyuarat Agung Tahunan dan firma juruaudit baru pula mempunyai seorang rakan kongsi yang pernah menjadi pengarah Karyon, tetapi telah meletakkan jawatan pada 23 November 2012 yang juga kurang daripada tempoh bertenang (‘cooling off period’) selama 2 tahun.

### **TROPICANA CORPORATION BERHAD (“TROPICANA”)**

Tan Sri Danny Tan bercadang untuk menyuntik hartanahnya seluas 762 ekar di Iskandar Malaysia ke dalam syarikat tersenarai di Singapura, Albedo Ltd dalam pengambilalihan berbalik dan bukannya ke dalam syarikat utamanya Tropicana Corp.

Harga transaksi masih belum didedahkan, tetapi penganalisis menilai hartanah seluas 62 ekar tersebut pada sekitar RM3 bilion.

#### **KOMEN MSWG:**

Walaupun transaksi ini membolehkan Tan untuk memperolehi kawalan dalam sebuah entiti tersenarai di Singapura yang akan membangunkan hartanah tersebut di Iskandar, adakah langkah ini akan menimbulkan konflik memandangkan Albedo berpotensi menjadi pesaing kepada Tropicana, yang juga sedang membangunkan beberapa projek di rantau ini?

### **PATIMAS COMPUTER BERHAD (“PATIMAS”)**

Syarikat tersebut telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-21 pada 25 September 2013.

#### **KOMEN MSWG:**

Kami ingin menyuarakan kebimbangan kami mengenai ketidakhadiran dua orang pengarah syarikat yang perlu dilantik semula sebagai pengarah oleh pemegang saham bagi kali pertama.

---

## **Penganalisa MSWG**

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)  
Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat [chongcf@mswg.org.my](mailto:chongcf@mswg.org.my)  
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)  
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)  
Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat [nghh@mswg.org.my](mailto:nghh@mswg.org.my)  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)  
Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan [shahnul.niza@mswg.org.my](mailto:shahnul.niza@mswg.org.my)  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)  
Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)  
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)  
Muhammad ‘Ammar Maslan, Penganalisa, Pemantauan Korporat [ammar@mswg.org.my](mailto:ammar@mswg.org.my)  
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

---

#### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat tersebut kecuali bagi Malaysia Smelting Corporation Berhad.*
-

---

## Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mSWG.ceo@mSWG.org.my](mailto:mSWG.ceo@mSWG.org.my).

---

## **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya beserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti khusus atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*